

19 OCT 1996  
Cuepacs-Bonus  
CUEPACS POHON BONUS DUA BULAN GAJI

IPOH, 19 Okt (Bernama) -- Cuepacs memohon kerajaan memperuntukkan dua bulan gaji sebagai bonus atau minimum RM800 bagi setiap kakitangan kerajaan dalam Belanjawan 1997 yang akan dibentangkan di Parlimen Jumaat ini.

Setiausaha Agungnya Encik Siva Subramaniam berkata permohonan itu telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 10 Okt lepas.

Beliau yakin kerajaan akan menimbangkan permohonan itu memandangkan produktiviti dan prestasi kakitangan kerajaan semakin meningkat terutama sejak Sistem Saraan Baru (SSB) dilancarkan pada 1992, katanya kepada pemberita selepas persidangan perwakilan dwi-tahunan ke-11 dan sambutan jubli emas sempena 50 tahun penubuhan Kesatuan Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah.

Siva berkata kerajaan perlu memberi pertimbangan kepada permohonan itu memandangkan kini kakitangan kerajaan dipikul dengan tanggungjawab yang lebih berat di samping pelaksanaan ISO9000 yang memerlukan mereka sentiasa mempertingkatkan prestasi dan produktivi mereka.

"Tuntutan ini juga bertujuan meringankan tanggungan kakitangan kerajaan memandangkan taraf hidup yang semakin meningkat serta keperluan tambahan bagi menghadapi sesi persekolahan yang baru serta perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Cina tidak lama lagi," katanya.

Beliau percaya tuntutan ini tidak akan memberatkan kerajaan kerana ekonomi negara semakin stabil dan kukuh manakala banyak jabatan kerajaan telah diswastakan.

Tahun lepas kerajaan meluluskan bonus sebulan gaji atau kadar minimum RM500 untuk kakitangannya.

Siva juga berkata Cuepacs setakat ini belum menerima maklumat mengenai tarikh perjumpaan badan itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan tuntutan kakitangan kerajaan terutama pertambahan elaun rumah dan isu pencen.

Dr Mahathir pada mesyuarat Kabinet Rabu lepas telah memberi persetujuan kepada Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek untuk bertemu dengan Cuepacs bagi membincangkan pelbagai isu melibatkan kakitangan kerajaan. -- BERNAMA

HK NMO